

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD  
WASALI  
(SIPITANG)**

**TARIKH : 9 NOV 2016  
(RABU)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan cadangan menempatkan lebih ramai anggota tentera darat dan laut di pantai timur Sabah bagi memperkukuhkan kawalan keselamatan dan mengelak dibolosi penjenayah rentas sempadan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa memandang serius tentang isu keselamatan negara dan pelbagai usaha telah dan sedang diambil dalam memastikan kedaulatan negara akan terus terpelihara daripada sebarang bentuk ancaman.

ATM telah mengatugerakkan trup dan aset tambahan bagi meningkatkan keupayaannya di negeri Sabah secara berperingkat mulai 26 Disember 2014. Aturgerak trup dan aset tambahan ini melibatkan ketiga-tiga Perkhidmatan iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan juga Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Peningkatan keupayaan ATM di Negeri Sabah melalui trup dan aset tambahan ini akan dikekalkan untuk memperagakan kehadiran (*show of force*), memperkukuhkan kawalan keselamatan, mengelak dibolosi penjenayah rentas sempadan dan sebagai langkah menghadapi sebarang kemungkinan di masa hadapan.

Segala usaha-usaha ATM ini telah diperkukuhkan lagi dengan komitmen YAB Perdana Menteri melalui ucapan bajet 2017 yang memperuntukan sebanyak RM 323 juta bagi penugasan anggota di sempadan kawasan Timur Sabah bagi meningkatkan operasi di ESSZONE. Peruntukan ini turut meliputi pelaksanaan projek infrastruktur pembinaan kem Tentera Darat ESSCOM di Felda Sahabat, Lahad Datu dan pembinaan Pangkalan Operasi Hadapan (POH) atau *Forward Operational Base* (FOB) di Lahad Datu, Sabah.